



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)**  
[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



## **KONSEP WASATIYYAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH DALAM MELAKSANAKAN AMAR MAKRUF NAHI MUNKAR DI MALAYSIA**

***THE CONCEPT OF MODERATION OF AHLI SUNNAH WAL JAMAAH IN  
IMPLEMENTING AMAR MAKRUF NAHI MUNKAR IN MALAYSIA***

Mukhamad Khafiz Abdul Basir<sup>1\*</sup>, Nurul Khairiah Khalid<sup>2</sup>, Ahmad Firdaus Mohd Noor<sup>3</sup>, Shukri Yahya<sup>4</sup>, Suhaila Sharil<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia  
Email: khafiz@uitm.edu.my

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia  
Email: nkhairiah@uitm.edu.my

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia  
Email: firdausnoor@uitm.edu.my

<sup>4</sup> Jabatan Syariah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Ismail Petra (KIAS) Kelantan, Malaysia  
Email: shukricham@gmail.com

<sup>5</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia  
Email: aidilamzar@uum.edu.my

\* Corresponding Author

---

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 05.12.2023

Revised date: 04.01.2024

Accepted date: 08.02.2024

Published date: 05.03.2024

**To cite this document:**

Basir, M. K. A., Khalid, N. K., Noor, A. F. M., Yahya, S., & Sharil, S. (2024). Konsep Wasatiyyah Ahli

**Abstrak:**

Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang mempunyai kepelbagaiannya kaum dan memiliki kepelbagaiannya penganut agama. Keunikan masyarakat majmuk Malaysia ini menjadi perhatian seluruh umat Islam di dunia dalam melaksanakan tuntutan amar makruf nahi munkar yang ianya memiliki cabaran tersendiri dalam realiti dakwah dalam konteks Malaysia. Disebabkan kerumitan dan keunikan ini maka konsep wasatiyyah Ahli Sunnah Wal Jamaah perlu diselami supaya identiti Islam dalam kalangan penganutnya tidak suram mahupun melampau hingga melahirkan persengketan dalam masyarakat madani di Malaysia. Justeru artikel ini diketengahkan bagi menjadi panduan asas umat Islam di Malaysia dalam melaksanakan salah satu tuntutan fardu dalam beragama. Metodologi kajian ini ialah metode kualitatif berpandukan

Sunnah Wal Jamaah Dalam Melaksanakan Amar Makruf Nahi Munkar Di Malaysia. *International Journal of Modern Education*, 6 (20), 120-128.

DOI: 10.35631/IJMOE.620009

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



kajian dokumentasi dengan merujuk kepada tesis, jurnal dan buku-buku ilmiah yang berkaitan. Penulis mengharapkan agar artikel ini dapat menghindarkan seseorang muslim khususnya di Malaysia daripada terjerumus kepada bahaya ekstrimisme ataupun kecelaran pemikiran yang bertentangan dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

#### Kata Kunci:

Ahli Sunnah Wal Jamaah, Wasatiyyah, Amar Makruf, Nahi Munkar, Dakwah

#### Abstract:

Malaysia is an Islamic country that has ethnic and religious diversity. The uniqueness of this pluralistic Malaysian society has captured the attention of the entire Muslim world in fulfilling the obligations of enjoining good and forbidding evil, presenting its own challenges in the context of preaching in Malaysia. Due to the complexity and uniqueness of this situation, the concept of moderation of Ahli Sunnah Wal Jamaah needs to be explored, so that the Islamic identity among its followers is neither obscure nor extreme, leading to disputes in the civil society of Malaysia. Therefore, this article is presented as a basic guide for Muslims in Malaysia to fulfill one of the obligatory demands of their faith. The research methodology employed is qualitative, based on documentary research by referring to theses, journals, and relevant scholarly books. The author hopes that this article can prevent a Muslim, especially in Malaysia, from falling into the dangers of extremism or confusion of thought that contradicts the path of Ahli Sunnah Wal Jamaah.

#### Keywords:

Ahli Sunnah Wal Jamaah, Wasatiyyah, Amar Makruf, Nahi Munkar, Islamic Preaching

## Pendahuluan

Konsep wasatiyyah merupakan salah satu ciri-ciri Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ianya juga berkait dengan ciri khusus umat Nabi Muhammad SAW walaupun mereka merupakan umat yang terakhir (Muhammad Ba Karim, 1994). Dalam perlaksanaan *amar makruf nahi munkar* konsep wasatiyyah ini mestilah diberikan penekanan supaya hikmah dakwah Islamiyah itu kekal relevan sepanjang zaman. Secara umumnya wasatiyyah dalam perlaksanaan *amar makruf nahi munkar* bermaksud menghormati pensyariatan *amar makruf nahi munkar* supaya ianya tidak bertentangan dengan keringanan (*rukhsah*) yang terlalu mudah mahupun ketegasan yang melampau (Ibnu Qayyim, 1996). Adapun Ahli Sunnah Wal Jamaah yang dimaksud pula ialah kumpulan yang berpegang kuat dengan kitab Allah dan sunnah rasul-Nya serta segala yang disepakati oleh golongan terawal dalam kalangan Muhajirin dan Ansar dan seluruh yang mengikuti jalan-jalan mereka (Ibnu Taimiyah, 1995).

Oleh kerana menyeru manusia kepada sesuatu kebaikan dan mencegah mereka daripada melakukan kemungkaran merupakan dakwah para *anbiya'* yang bakal mendapat ganjaran besar daripada Allah SWT, maka seorang pendakwah atau *muhtasib* itu mestilah mematuhi prasyarat dakwah itu sendiri. Hal ini telah ditekankan oleh ramai para ulama antaranya ialah berilmu sebelum beramal dan berdakwah seperti yang telah diisyaratkan oleh Imam al-Bukhari (al-

Bukhari, 2001). Maksud *amar makruf* ialah semua yang diperintahkan oleh syarak untuk dilaksanakan, Nahi Munkar pula ialah semua yang ditegah oleh syarak (Ibnu Muflih, 1999). Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta milarang daripada segala yang salah (buruk dan keji), dan mereka yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya.

(Surah Ali Imran, 3:104)

Ciri umat yang terbaik telah diikat dengan suatu tuntutan iaitu perbuatan *amar makruf nahi munkar* seperti termaktub dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan milarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).

(Surah Ali 'Imran, 3:110)

Oleh kerana Malaysia merupakan negara masyarakat majmuk yang berbilang agama dan kaum, maka perlaksaan *amar makruf nahi munkar* perlu dilaksanakan dengan meraikan kepelbagaian ini, supaya agama Islam tidak dilihat menindas dan menzalimi penganut agama yang lain. Kebebasan beragama dan mengamalkan ajaran agama masing-masing telah diiktiraf oleh syarak sepetimana ianya juga telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Justeru sesuatu maksiat yang ingin dicegah itu mestilah sesuatu yang disepakati sebagai maksiat manakala pelaku maksiat pula adalah dalam kalangan yang *mukallaf* iaitu muslim, berakal dan baligh.

### **Konsep Wasatiyyah Dalam Melaksanakan Amar Makruf**

Pelaksanaan *amar makruf* mestilah didahului dengan ilmu. Ini kerana *amar makruf* itu sendiri merupakan “*amal*”, syarat diterima sesuatu amalan dalam Islam hendaklah menepati syarak, sementara syarak tidak dapat diikuti oleh melainkan oleh orang yang berilmu. Beberapa konsep wasatiyah yang telah diamalkan dalam konteks perlaksanaan *amar makruf* antaranya seperti berikut:

**Pertama:** Seseorang pendakwah atau *muhtasib* (penyeru *amar makruf*) perlulah mempunyai tauliah mengajar yang dikeluarkan oleh pihak jabatan agama Islam negeri masing-masing. Tauliah mengajar agama ini merupakan pengiktirafan daripada badan berautoriti agama di sesebuah negeri terhadap keilmuan seseorang yang secara tidak langsung dapat mengekang penyebaran ajaran-ajaran sesat dan kefahaman-kefahaman yang menyelisihi Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pemilikan tauliah ini menyebabkan pergerakan seorang pendakwah / *muhtasib* ini akan menjadi lebih bebas dan rasmi, mempunyai autoriti mengajar agama sama ada di masjid, surau, tv, radio da sebagainya. Walau bagaimanapun kebebasan ini hanya tertakluk untuk mengajar di negeri yang mengeluarkan tauliah itu sahaja memandangkan sultan atau raja sesebuah negeri merupakan ketua yang menjaga agama dan adat istiadat orang Melayu di negerinya. (Perlembagaan Persekutuan, 2010).

Isu tauliah mengajar ini mengandungi pro dan kontranya yang tersendiri. Kadangkala ianya menjadi suatu yang negatif apabila disalahgunakan terhadap pihak yang tidak sealiran fikrah

samada dari sudut mazhab mahupun politik. Seseorang agamawan sama ada warga tempatan mahupun luar yang mengajar agama di masjid atau tempat terbuka tanpa tauliah maka dia telah melanggar undang-undang jenayah syariah. Kesalahan jenayah syariah menyebabkan seseorang agamawan itu boleh didenda tidak melebihi RM 5000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya (Nurulain Ibrahim, 2022).

**Kedua:** Seseorang pendakwah atau *muhtasib* perlulah memelihara adab dan akhlak dalam menyeru manusia kepada kebaikan. Menyeru umat manusia kepada sesuatu kebaikan itu mestilah disertai dengan adab dan akhlak. Antara adab-adab yang perlu dipamirkan ialah lemah lembut, halus budi bicara, mempamirkan senyuman dan memudahkan urusan manusia (Muhamad al-Qurasyi: 1976). Hal ini telah terbukti menjadi sebab dan faktor utama keislaman penduduk di Nusantara yang memeluk Islam disebabkan tertarik dengan akhlak yang dimiliki para pedagang Arab. Adab dan akhlak merupakan asas penting dalam berdakwah kerana kesannya yang sangat hebat terhadap masyarakat. Berapa ramai manusia yang terdidik dengan tingkahlaku mulia pendakwah dan ulama sebelum sempat mereka berkata-kata dan berdakwah. Imam Malik berkata:

“Ibuku pernah memasangkan serban di kepalaku sambil berkata: Pergilah kamu bertemu Rabiah (guru Imam Malik), belajarlah daripadanya adab sebelum engkau mempelajari ilmunya”

(Qadhi Iyadh, 2010)

**Ketiga:** Seseorang pendakwah atau *muhtasib* dibenarkan menerima gaji ataupun imbuhan. Sebagai contoh, pihak pejabat agama Islam telah melantik pendakwah-pendakwah Islam ke perkampungan orang asli dan memberikan gaji kepada mereka bagi menampung keperluan hidup pendakwah. Demikian juga guru-guru takmir bertauliah mereka layak dan berhak memohon saguhati bayaran bulanan daripada Majlis Agama Islam Negeri. Sebagai contoh Majlis Agama Islam Negeri Perak telah memperuntukkan eluan bulanan sebanyak RM 900.00 kepada setiap guru takmir lapangan (alhijrah online, 2020).

Gaji atau imbuhan ini membuktikan bahawa Malaysia meraikan keperluan hidup pendakwah atau *muhtasib* yang sanggup mengajar agama di masjid dan surau di seluruh negeri contohnya di negeri Perak. Ini merupakan wasatiyyah dalam melaksanakan *amar makruf* yang mana Islam tidak menolak imbuhan dan upah dalam melaksanakan tugas dakwah khususnya bagi mencukupkan keperluan kehidupan ahli keluarga mereka dan supaya mereka tidak meminta-minta. Sesungguhnya antara hukum-hakam syariah ialah memberikan setiap orang itu hak yang setimpal dengannya seperti mana hadis daripada Aisyah RA yang bermaksud:

“Rasulullah telah memerintahkan kami supaya meletakkan manusia mengikut kedudukannya”

(Mukaddimah Sahih Muslim)

**Keempat:** Seseorang Pendakwah dan penyeru kebaikan dituntut menyampaikan kebenaran dan ilmu sekalipun dia sendiri tidak mengamalkannya atau belum mampu melaksanakannya. Ini kerana perintah agar menyampaikan ilmu dan menyeru kebaikan itu tidaklah terikat dengan pengamalan atau dengan kata lain si penyeru mestilah telah melaksanakan. Telah berkata Abu Darda Radiyallahu Anhu: “Sesungguhnya aku tetap akan menyuruh kamu melakukan kebaikan

sekalipun aku tidak melakukannya, akan tetapi aku berharap agar aku dikurniakan pahala padanya". (Ibnu Abi Dunya: 1997)

### Konsep Wasatiyyah Dalam Melaksanakan *Nahi Munkar*

**Pertama:** Seseorang *muhtasib* mestilah mempunyai kad keahlian sebagai anggota pencegah maksiat. Setiap kawasan kariah akan mempunyai 4 orang pegawai pencegah maksiat yang dilantik oleh pihak jabatan agama Islam. Mereka terdiri daripada pengurus masjid, imam, bilal dan siak.

**Kedua:** Seseorang *muhtasib* mestilah mengutamakan keselamatannya. Hal ini merupakan tuntutan syarak kerana menjaga nyawa merupakan maqasid syariah yang kedua dalam Islam. Justeru mana-mana usaha mencegah kemungkaran perlulah dinilai tahap risiko yang bakal dihadapi olehnya. Sebab itulah dalam perlaksanaan operasi pencegahan maksiat skala besar kebiasaannya akan melibatkan kolaboratif dengan pihak keselamatan khasnya anggota polis.

**Ketiga:** Seseorang *muhtasib* tidak boleh menjatuhkan hukuman kepada pelaku maksiat atau penjenayah. Mereka mestilah membuat laporan kepada pihak polis terhadap kes yang ditelah dihadapinya. Pihak mahkamah syariah hanya mempunyai kuasa dalam urusan-urusan kecil berkait dengan rumah tangga, kes-kes kecurangan, kes khawatir dan yang seumpamanya. Adapun jika melibatkan jenayah-jenayah syariah berat seperti pembunuhan, rompakan dan sebagainya ianya tertakluk kepada kuasa pihak mahkamah sivil sahaja. Maka tidak pernah berlaku semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan pencegah maksiat yang menangkap penjenayah menjatuhkan hukuman sendiri dengan memotong tangan pencuri atau menyebab mereka yang ditangkap berzina dan sebagainya. Pelaksanaan undang-undang dan hukuman syariah tidak sempurna melainkan menggunakan kuasa pemerintah kerana al-Quran sekadar menjadi petunjuk kepada manusia yang tidak mempunyai kuasa melainkan untuk dilaksanakan oleh pemerintah (Ibnu Taimiyyah: 1992)

**Keempat:** *Muhtasib* hanya melakukan tindakan pencegahan apabila diyakini telah berlaku maksiat. Atas asas ini maka tidak boleh membuat sangkaan-sangkaan negatif ataupun melakukan intipan sehingga mencari kesalahan-kesalahan yang tertutup. Lazimnya keyakinan ini berlaku apabila pencegah maksiat melihat sendiri jenayah ataupun memperolehi maklumat dan aduan yang berulang kali daripada pihak orang awam. Dalam konteks penyebaran ajaran sesat, maka sesuatu aduan itu hendaklah dipanjangkan kepada pihak mufti supaya ianya dapat diperhalusi dan diputuskan sama ada salah ataupun benar.

**Kelima:** Tidak mengkafirkan pelaku maksiat sekalipun melibatkan dosa besar. Konsep ini sangat penting difahami kerana mengkafirkan pelaku dosa besar merupakan asas agama dalam kefahaman kelompok ajaran Khawarij. Kata Abu Hasan al-Asyaari yang bermaksud :

“Golongan Wa’idiyyah daripada kumpulan Khawarij dan Muktazilah mewajibkan azab terhadap pelaku dosa besar kerana wujudnya nas-nas yang mengancam pelakunya”

(Abul Hasan al-Asyaari:2010)

Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak mewajibkan hukuman azab terhadap pelaku dosa besar serta tidak menghukum neraka kepada individu yang melakukan dosa besar. Ini memandangkan

kemungkinan pelaku dosa besar itu dimasukkan ke dalam syurga oleh Allah SWT disebabkan kebaikan-kebaikan lain yang dilakukannya yang menjadi penghapus kepada dosanya. Terkadang dosanya terhapus dengan sebab musibah-musibah yang menimpanya, terkadang terhapus disebabkan doa-doanya atau doa orang lain kepadanya ataupun terhapus dosanya dengan sebab-sebab yang lain (Ibnu Taimiyyah, 1433H). Konsep dan asas ini secara umumnya sangat difahami dan dihayati oleh mereka yang melaksanakan operasi pencegahan maksiat di dalam negara Malaysia.

**Keenam:** Mencegah maksiat dalam kalangan orang Islam sahaja khususnya dalam hal yang berkait dengan jenayah yang di bawah punca kuasa mahkamah syariah. Jenayah-jenayah di bawah undang-undang sivil maka ini boleh dilaksanakan kepada semua sama ada muslim maupun non muslim tetapi kebiasaan dilakukan oleh pihak polis ataupun pihak berkuasa keselamatan yang lain.

### Kesan Wasatiyyah Dalam Perlaksanaan *Amar Makruf Nahi Munkar* Di Malaysia

Terdapat banyak kesan-kesan positif daripada penghayatan konsep Wasatiyyah dalam perlaksanaan *amar makruf nahi munkar* di Malaysia. Kebaikan dan manfaatnya dapat dilihat kepada agama, masyarakat dan negara. Antara kesan-kesan positif tersebut adalah :

a. Maqasid Syariah terlaksana dalam tuntutan *amar makruf nahi munkar*

Syariat-syariat agama ini tidak lain merupakan *maslahah* kepada manusia sama ada *maslahah* itu dapat dilihat segera maupun kemudian. Maka melaksanakan *amar makruf* menurut kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah itu akan mendatangkan manfaat dan menolak kemudaratan daripada manusia (Syatibi, 2010). Ini secara tidak langsung akan mengangkat ancaman dan bahaya akibat meninggalkan tuntutan *amar makruf nahi munkar* seperti dalam firman Allah yang bermaksud:

“Orang-orang kafir Yahudi dari Bani Israil telah dilaknat (di dalam Kitab-kitab Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa ibni Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan *munkar* (derhaka dan ceroboh), yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan” .

(Surah al-Maidah 5:78-79)

b. Dapat memelihara keunggulan dan kebaikan umat Nabi Muhammad SAW yang merupakan umat yang sederhana dalam kalangan umat-umat terdahulu

Situasi ini adalah gambaran yang telah dijelaskan oleh Allah SWT bermaksud:

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman. Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman..)”

(Surah al-Imran 3:110)

Justeru itu dalam konteks Malaysia kita tidak pernah menyaksikan pihak pencegah maksiat yang menangkap pelaku maksiat menjatuhkan hukuman sendiri terhadap pesalah. Akan tetapi berlaku proses pendakwaan yang panjang di mahkamah bagi mengesahkan status maksiat atau jenayah yang dilakukan sehingga membawa kepada hukuman yang setimpal.

c. Merealisasikan keselamatan dan keamanan dalam negara

Akibat dilaksanakan tuntutan *amar makruf nahi munkar* ini maka keamanan dan kebahagiaan dapat ditegakkan. Ini kerana kemaslahatan individu dan masyarakat itu bergantung kepada perlaksanaan undang-undang yang seadil-adilnya. Semua rakyat berhak mendapatkan hak dan keadilan akibat penindasan dan kezaliman yang berlaku. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan tidakkah mereka melihat dan memerhatikan bahawa Kami telah menjadikan (Makkah, negeri mereka) tanah suci yang dihormati, lagi aman; sedang orang-orang ramai yang tinggal (dalam daerah-daerah) di sekeliling mereka sentiasa diculik (untuk ditawan atau dibunuh)? Oleh itu, patutkah mereka percaya kepada perkara yang salah, dan kufur ingkar akan nikmat-nikmat Allah?”

(Surah al-Ankabut 29:68)

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Tuhan yang memberi mereka penghidupan: menyelamatkan mereka dari kelaparan, dan mengamankan mereka dari ketakutan.”

(Surah Quraysh 106:4)

d. Pembangunan dan kemajuan negara dapat tercapai dan terlaksana

Keadaan ini adalah kerana setiap individu merasai tanggungjawab dan memahami kewajipan masing-masing sebagai hamba Allah yang ditaklifkan menjadi khalifah bagi memakmurkan bumi serta sentiasa patuh dan taat beribadah kepada Allah Ta’ala.

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Kalaularah sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan”

(Surah al-A’raf 7: 96)

e. Malaysia menjadi contoh sebuah negara madani yang baik

Malaysia merupakan salah sebuah negara Islam yang diiktiraf dunia sebagai negara yang maju dan sejahtera. Selain itu Malaysia terkenal dengan pendekatan wasatiyyah dalam melaksanakan ajaran-ajaran agama. Malaysia dipimpin oleh orang melayu Islam dan penduduk Islam mendominasi sebanyak 63.5%, penganut agama Buddha 18.7%, Kristian 9.1% dan penganut Hindu 6.1% dan agama-agama lain 9%, ini seperti dimaklumkan oleh Pejabat Kebebasan Agama Antarabangsa (2022). Walaupun penduduk Malaysia menganut pelbagai agama, namun keamanan dan keharmonian dalam kalangan penduduk dapat dikekalkan sehingga hari ini. Rakyat dapat menikmati keadilan pemerintahan yang berpaksikan kepada

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara. Situasi ini secara langsung mengingatkan kita kepada contoh pemerintahan terbaik pada zaman baginda Rasulullah SAW dan para sahabat RA di Madinah.

### Kesimpulan

Malaysia merupakan negara Islam yang mempunyai masyarakat majmuk. Penduduknya yang bukan Islam sekitar 37%, namun konsep *amar makruf nahi munkar* dapat dilaksanakan oleh umat Islam dengan harmoni. Umat Islam di Malaysia tidak terpengaruh kepada pemahaman golongan Murjiah dan tidak juga cenderung kepada fahaman Muktazilah mahupun Khawarij. Ini menunjukkan peranan para ulama dan ilmuwan di Malaysia dalam memberikan kefahaman kepada masyarakat Muslim tentang aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Tuntutan *amar makruf nahi munkar* berpandukan aliran tersebut telah berjaya dan wajar dicontohi oleh negara-negara Islam lain yang mempunyai komposisi penduduk pelbagai agama. Pengamalan konsep wasatiyyah ini akan mendatangkan pelbagai manfaat dan kebaikan dunia ni dan ukhrawi, mengelakkan seseorang daripada kesesatan aliran pemikiran yang ekstrim seperti Khawarij serta menafikan pemikiran seperti Murjiah yang langsung tidak mengendahkan nas-nas wahyu yang mengandungi ancaman. Justeru menjadi kewajipan ke atas semua Muslim untuk meningkatkan ilmu pengetahuan yang benar sebelum melaksanakan tuntutan agama dan syarak seperti yang telah diamalkan oleh golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

### Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan dan ucapan terima kepada semua rakan-rakan yang terlibat menyempurnakan dan menilai semula artikel ini khususnya kepada Ustazah Nurul Khairiah Khalid dan Dr Ahmad Firdaus. Semoga mereka semua dikurniakan keberkatan ilmu dan amal Insya-Allah.

### Rujukan

- Abdullaah Jalil. (2022). Matan Ummu al-Barahin dan pengenalan Ahli Sunnah dan Jamaah. Wisdom Publication.
- Abdullah Muhamad Bin Muflih. (1999). Al-A'dab al-Syar'iyyah. Muassasah al-Risalah.
- Abu Bakar Abdul Bin Muhamad Bin Abi Dunya. (1997). Al-Amru Bil Ma'ruf Wan Nahyu A'nil Munkar. Tahqiq; Solah Bin Ayid, Maktabah al-Ghuraba' al-Athariyah.
- Abul Hasan al-Asyaari. (2005). Maqalat al-Islamiyyin. al-Maktabah al-Asriyyah. Toyyibah.
- Ahmad bin Abdul Halim bin Taimiyyah. (1995). Majmuk al-Fatawa, Mujammak Malik Fahad.
- Ahmad bin Abdul Halim Bin Taimiyyah. (1992). al-Hisbah Fil Islam, Penerbit; Darul Fikr Lubnani Beirut.
- Al-Baghdadi, Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad. (1982). Aqidah ahli sunnah wal jamaah satu pengenalan. Terj. Ibrahim Abu Bakar. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)
- Al-Hijrah Online. (2020). Elaun Guru Dakwah Lapangan Dinaikkan Kepada RM900 dari <https://alhijrahnews.com/elaun-guru-dakwah-lapangan-dinaikkan-kepada-rm900/>
- Al-Qadhi Iyadh. (1983). Tartib Al-Madarik Wa Taqrir Al-Masalik Li Mrifati a'Lam Mazhab Malik. Matba'ah Fadholah-al-Muhammadiyah.
- Badhrulhisham, Adam. (2016). Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah dan pemakaianya di Malaysia: Isu dan cabaran. Jurnal Ulwan, 1(1), 128-149.
- Ibrahim bin Musa al-Syatibi. (1997). al-Muwafaqat. Dar Ibn Affan

Muhamad Ba Karim Ba Abdullah. (1994). Wasatiyyah Ahli Sunnah Bainal Firaq. Dar al-Rayah.

Muhamad Bin Ismail al-Bukhari. (2001). al-Jami' al-Musnad al-Sahih (Sahih Bukhari). Dar Thauqunnajah

Muhamad bin Qayyim al-Jauziyah. (1996). Madarij al- Salikin. Darul Kitab al-Arabi.

Muslim Bin al-Hajjaj al-Naisaburi. (2006). Al-Musnad al-Sahih (Sahih Muslim). Dar Toyibah.

Muhamad bin Muhamad al-Qurasyi. (1976). Ma'alim al-Qurbah Fi Ahkam al-Hisbah.  
Penerbit: Markaz al-Nasyar-Maktab al-I'lam al-Islamiy Mesir.

Nurulain Ibrahim. (2022). Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang Bagi Kesalahan Jenayah Syariah Mengajar Agama Tanpa Tauliah Di Alam Siber: Kajian Di Bahagian Penguatkuasaan Undang Undang Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Journal of Shariah Law Research . Vol. 7 (2) 241-272.

U.S. Embassy in Malaysia. (2022). Laporan Kebebasan Agama Antarabangsa Malaysia 2022 dari <https://my.usembassy.gov/2022-report-on-international-religious-freedom-ms/>